

**PROJEK PENYURAIAN TRAFIK DI ANTARA PLAZA TOL JURU DAN
PLAZA TOL SUNGAI DUA DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN
(PLUS) DAN KAWASAN SEKITAR BERMULA
21 OKTOBER 2025**

Petaling Jaya, 21 Oktober 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) hari ini mengumumkan bahawa Pakej 1 bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua (PTJSD) bermula pada 21 Oktober 2025.

NAZA Engineering & Construction Sdn Bhd telah dilantik sebagai kontraktor utama untuk pakej ini selepas melalui proses tender terbuka. Pakej 1 yang meliputi kerja-kerja menaiktaraf bulatan di Persimpangan Bertingkat Timur-Barat (KM135.15 – KM135.4) dan pembinaan jejambat baharu di Jalan Tun Hussein Onn (KM133.5 – KM134.5), akan dilaksanakan selama 24 bulan.

Pakej 1 merupakan sebahagian daripada pakej-pakej Projek PTJSD. Ia bertujuan untuk menyuraikan trafik di kawasan terbabit dan akan dapat membantu pengguna-pengguna lebuhraya serta penduduk setempat untuk menikmati perjalanan yang lebih lancar pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, Projek PTJSD ini merupakan projek berimpak tinggi dan akan memberi manfaat kepada kira-kira 200 ribu pengguna harian melalui pengurangan kesesakan di laluan terbabit.

Pada peringkat permulaan ini, kerja-kerja awalan tidak akan mengganggu aliran trafik kerana dua lorong sedia ada di kedua-dua hala lebuhraya terbabit masih kekal dibuka kepada pengguna.

PLUS juga akan membuat pengumuman dari semasa ke semasa berhubung perkembangan terkini projek ini menerusi saluran media sosial.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Iskandar Dzulkifli

Ketua

Komunikasi

Expressway Project & Advisory Services Sdn Bhd (Epro)

Tel : 019-271 0280

Emel : iskandar@plus.com.my